18, Jalan Tun Perak,
50050, City Centre,
Kuala Lumpur.

15 Februari 2019.

Menemui adindaku Ali yang berada di Kuala Selangor dengan selamat sejahteranya.

Adinda yang dikasihi,

Baru-baru ini, kakanda telah menerima surat ayahanda dari kampung. Ayahanda memberitahu kakanda bahawa keputusan peperiksaan adinda semakin merosot kerana adinda selalu malas belajar.

Kononnya, adinda selalu bercampur dengan budak-budak yang nakal. Adinda sentiasa bermain dan merayau-rayau dengan mereka. Akibatnya, adinda kadang-kadang ponteng sekolah dengan mereka dan tidak membuat kerja sekolah yang diberi oleh cikgu-cikgu.

Sebenarnya, adinda adalah seorang budak yang bijaksana. Sekiranya adinda boleh berubah sikap dan belajar dengan bersungguh-sungguh, kakanda yakin, adinda akan berjaya dalam pelajaran dengan mendapat keputusan yang cemerlang.

Sampai di sini sahaja surat kakanda pada kali ini. Semoga adinda boleh lebih rajin setelah membaca surat ini. Disudahi dengan salam mesra daripada kakanda.

Yang benar,

Siti

(Siti Noordiati)

LIVEWORKSHEETS